

21 MAY 2001

Umno-keputusan

MT SAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA DISIPLIN

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Majlis Tertinggi Umno hari ini mengesahkan keputusan Lembaga Disiplin parti yang mendapati enam anggota parti bersalah kerana terlibat dalam amalan politik wang pada pemilihan peringkat bahagian baru-baru ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "MT menerima semua keputusan termasuk hukuman yang dikenakan, tak ada apa-apa perbezaan yang di cadang oleh MT. Kita sokong penuh."

Bercakap pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata Majlis Tertinggi telah mendengar penerangan Pengerusi Lembaga Disiplin, Tengku Ahmad Rithauddeen Ismail dan berpuas hati dengan proses yang digunakan dalam menentukan siapa yang bersalah dan siapa yang tidak bersalah.

Pada 5 Mei lepas, lembaga itu mendapati enam anggota terseut bersalah kerana terlibat dalam politik wang termasuk tiga Ketua Bahagian iaitu Datuk Abdullah Omar (Muar), Datuk Zainol Mohd Isa (Baling) dan Mustafa Kamal Mohd Nawi (Gopeng).

Yang turut didapati bersalah ialah calon timbalan ketua bahagian Bagan Serai Zaki Din, Ketua Penerangan Bahagian Selayang Rahmat Abdullah dan Ketua Penerangan Bahagian Gopeng Mohamad Annuar Baharudin.

Abdullah, Zainol, Mustafa Kamal, Rahmat dan Mohamad Annuar digantung hak untuk memilih, dipilih dan dilantik ke sebarang jawatan di semua peringkat sehingga 2007 manakala Zaki pula digantung hak itu selama dua kali pemilihan parti peringkat cawangan, bahagian dan MT.

Dr Mahathir berkata, MT berpendapat secara praktiknya ia (MT) tidak boleh menjadi badan rayuan kerana ini adalah proses yang agak rumit dan bilangan kes banyak.

Beliau berkata MT berpendapat mereka yang didapati bersalah boleh mengemukakan rayuan kepada Lembaga Disiplin.

Dr Mahathir juga berkata mana-mana ketua bahagian yang didapati bersalah, maka lawannya pada pemilihan itu akan menjadi ketua bahagian.

Beliau berkata, jika ini membabitkan dua calon yang kalah, calon yang mendapat undi lebih banyak akan memegang jawatan itu.

"Tak akan ada lagi mesyuarat untuk pemilihan ketua bahagian. Tetapi jika kemudian kita dapati yang kalah juga terlibat dalam rasuah, dia juga akan dihukum dan pada masa itu, Umno akan tentukan siapa yang akan ambil alih tempat sebagai ketua. Proses ini akan berterusan," katanya.

Dr Mahathir berkata langkah yang sama akan diambil untuk jawatan timbalan ketua bahagian, dengan pemenang yang didapati bersalah, diganti oleh lawannya.

Ditanya sama ada wujud lagi kes-kes politik wang selain daripada yang melibatkan enam anggota itu, Dr Mahathir berkata: "Ada lagi, banyak lagi...(melibatkan) ketua bahagian, timbalan ketua bahagian, jawatan apa pun."

Merujuk kepada jawatan Zainol sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Kedah, Dr Mahathir berkata kedudukan anggota Umno yang memegang jawatan dalam kerajaan juga perlu mencerminkan apa-apa keputusan yang diambil oleh Lembaga Disiplin terhadap mereka.

Ketika ditanya sama ada ini merupakan nasihat atau satu keputusan yang mesti diambil oleh kerajaan negeri, beliau berkata: "Kerajaan negeri yang dikuasai oleh Umno akan patuh kepada keputusan Umno."

Selain itu, beliau berkata MT juga bersetuju dengan cadangan supaya

semua Ketua Bahagian mesti mengisytiharkan harta mereka selain tidak akan diberikan layanan oleh kerajaan jika mereka ingin mendapatkan peluang perniagaan daripada kerajaan.

Katanya : "Dan sesiapa yang ingin bertanding di masa depan yang ternampak begitu kaya, mereka perlu memberikan laporan tentang aset mereka."

Mengulas lanjut tentang penglibatan Ketua Bahagian dalam perniagaan, Dr Mahathir berkata: "Kita akan beritahu kepada kerajaan si polan si polan ini adalah ketua bahagian dan sebarang perniagaan mereka dengan kerajaan tidak boleh diadakan."

Bagaimanapun, beliau berkata mereka bebas menjalankan perniagaan mereka sendiri yang tidak melibatkan kerajaan.

Ditanya tentang kedudukan Ketua Bahagian yang terdiri daripada kalangan kontraktor yang menempa nama, beliau berkata: "Dia kena pilih nak jadi kontraktor ke nak jadi Ketua Bahagian."

Menyentuh pemilihan Umno Bahagian Kuantan yang ditangguh, beliau berkata MT masih menunggu laporan akhir oleh jawatankuasa khas siasatan yang ditubuhkan di bawah Lembaga Disiplin berikutan dakwaan Anggota Dewan Undangan Negeri Pahang Kawasan Beserah Datuk Fauzi Abdul Rahman tentang wujudnya politik wang pada pemilihan bahagian berkenaan.

Selain itu, Fauzi telah membuat laporan polis terhadap Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang didakwa melakukan penyelewengan ketika menjadi Menteri Besar Pahang dulu.

Ditanya sama ada Khalil yang juga Setiausaha Agung Umno perlu berundur buat sementara waktu, Dr Mahathir berkata tiada sebab untuk Khalil berbuat demikian.

-- BERNAMA

MAM MS MAI